

UiTM tekad lahirkan graduan patriotik

BA 30/11/06

Selaras usaha hasilkan pemimpin berjuang demi negara

Oleh Khairina Yasin

UNIVERSITI Teknologi Mara (UiTM) berusaha meletakkan pelajar Melayu di puncak kegemilangan dengan melahirkan graduan yang bukan saja memiliki kelulusan akademik tetapi komited berjuang untuk agama, bangsa dan negara.

Naib Canselor UiTM, Prof Datuk Seri Dr Ibrahim Abu Shah, berkata usaha itu memerlukan sokongan masyarakat dan pelajar universiti itu.

Beliau berkata, kerjasama pihak berkenaan juga wajar selaras dengan hasrat memperkasakan UiTM sebagai universiti cemerlang.

Katanya, konsep keperkasaan UiTM tidak harus dilihat dalam konteks yang sempit, sebaliknya perlu merangkumi pelbagai aspek termasuk kualiti kecemerlangan, cabaran memiliki minda cemerlang dan berfikir jauh kerana usaha menjadi universiti cemerlang adalah proses tidak berpenghujung.

"Kita perlu melihat bagaimana produk yang dilahirkan bukan saja mendapat pekerjaan, malah menjadi pemimpin, pelopor dan golongan yang mampu mengubah untung nasib bangsa Melayu.

"Di sinilah letaknya keunikan

UiTM kerana ia bukan kilang yang mengeluarkan lulusan semata-mata, sebaliknya graduan yang komited berjuang demi agama, bangsa dan negara," katanya kepada *Berita Harian*, semalam.

Sambil menegaskan masyarakat tidak perlu meragui kualiti kecemerlangan UiTM, beliau berkata, persepsi negatif terhadap universiti itu disifatkan sebagai ingatan agar ia terus menjaga kualiti dan keupayaan graduannya untuk terus bersaing.

"Masyarakat juga tidak perlu membandingkan sejauh mana keperkasaan Institut Teknologi Mara (ITM) dan UiTM sekarang kerana masing-masing mempunyai kegemilangan tersendiri.

"Malah, melihat kejayaan UiTM dalam pelbagai bidang sama ada pada peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa, kita lebih melangkah ke depan dengan penawaran hampir 300 program dan mengeluarkan 30,000 graduan setahun," katanya.

Menyorot liku sejarah kewujudan UiTM bermula dengan Pusat Latihan Rida, Ibrahim berkata, pemimpin terdahulu berdepan cabaran sukar melahirkan institusi pendidikan kerana negara ketika itu masih dicengkam kemiskinan dan kurang kemudahan asas termasuk

tenaga pengajar.

"Sebaliknya kini dengan kepimpinan negara diterajui Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Badawi dan penubuhan UiTM, negara mampu memiliki graduan Melayu profesional yang bakal memangkin agenda pembangunan negara.

"Berikutan itu, kita di UiTM akan terus menumpukan kepada usaha mencapai sasaran pengambilan 200,000 pelajar dalam tempoh lima tahun dengan peruntukan lebih RM3 bilion yang diberikan kerajaan dalam Rancangan Malaysia ke-9," katanya.

FAKTA NOMBOR

UiTM

300

Program ditawarkan

30,000

Graduan dilahirkan setahun

Katanya, pelbagai strategi digariskan UiTM bagi mencapai sasaran itu termasuk tumpuan pengambilan 60 peratus pelajar dalam bidang pengajian kritikal dan profesional yang bersifat futuristik.

Ibrahim berkata, pelaksanaan itu turut mengambil kira komposisi pelajar mengikut peringkat pengajian dengan tumpuan diberi kepada program diploma yang mewakili 60 peratus pelajar, ijazah sarjana muda (30 peratus) dan pasca siswazah (10 peratus).

Beliau berkata, kualiti program akademik UiTM bukan saja mendapat pengiktirafan badan profesional tempatan, malah antara-bangsa seperti Persatuan Akauntan Bertauliah United Kingdom (UK), Institution of Mechanical Engineering UK, Royal Institute of Chartered Surveyors, UK dan Chartered Institute of Buildings, UK.

Sambil melahirkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Pusat yang begitu bersungguh-sungguh ingin melihat pembangunan UiTM, katanya, perjuangan memartabatkan universiti itu tetap diteruskan untuk melihat bangsa Melayu berjaya dan terbilang.